

12 MAR 2000

UMNO BAHAGIAN RASAH CALON DR MAHATHIR DAN PAK LAH

SEREMBAN, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Rasah hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden bagi pemilihan parti Mei ini.

Bagi tiga kerusi Naib Presiden Umno, bahagian itu mencalonkan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap Umno, bahagian itu mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah manakala Datuk Idris Ibrahim bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Umno.

Dua puluh lima anggota Majlis Tertinggi yang dicalonkan oleh bahagian itu ialah Datuk Mohamad Hasan, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Datuk Mohd Nazri Aziz, Datuk Khalid Yunus, Datuk Ishak Ismail, Abdul Azim Mohd Zabidi, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Mustapa Mohamed.

Datuk Salleh Said Keruak, Datuk Mohd Shafie Apdal, Datuk Maznah Hamid, Datuk Dr Yusof Nor, Datuk Abdul Fatah Iskandar, Datuk Aini Taib, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Datuk Shariff Omar, Datuk Zainal Abidin Dahalan dan Adam Hamid.

-- BERNAMA

RP/AZ RHM